09 OCT 2001

BEBERAPA NEGARA BARAT POHON KAWALAN KESELAMATAN KEDUTAAN -- ABDULLAH

LANGKAWI, 9 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beberapa negara Barat telah memohon kerjasama pihak berkuasa Malaysia bagi mengawal keselamatan di pejabat perwakilan masing-masing.

"Amerika Syarikat, Britain dan beberapa negara lagi yang bimbang tentang keselamatan kedutaan mereka di negara ini berbuat demikian berikutan serangan AS dan Britain di beberapa sasaran di Afghanistan," katanya.

Beliau berkata Malaysia tidak pernah menolak permohonan mana-mana pihak yang meminta kerjasama pihak keselamatan untuk menjaga keselamatan kedutaan mereka.

Abdullah berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri perasmian Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2001 di sini hari ini. LIMA 2001 dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri telah ditanya sama ada terdapat negara yang meminta Malaysia mengawal pejabat perwakilan masing-masing di negara ini ekoran serangan Amerika terhadap sasaran-sasaran di Afghanistan.

Amerika dan sekutunya Britain melancarkan serangan ke atas sasaran-sasaran di Afghanistan awal semalam dan diikuti serangan kedua pada awal pagi tadi.

-- BERNAMA

NH MAN NMO